

06/05/2003

Dr M mahu PBRS terus main peranan

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) akan terus memainkan peranan penting menjayakan matlamat BN di Sabah.

Dalam perutusannya sempena Kongres PBRS Ke-8, Perdana Menteri mengakui peranan yang dimainkan parti itu dalam menentukan kejayaan BN secara menyeluruh di Sabah.

"PBRS adalah sebuah parti komponen BN yang penting di Sabah. Tidak dinafikan, PBRS turut memainkan peranan untuk menentukan kejayaan BN di negeri ini," katanya dalam perutusan itu.

Beliau berkata, walaupun PBRS adalah parti kecil tetapi peranan parti itu membuktikan bahawa dalam BN peranan semua parti komponen penting, tidak kira ia besar atau kecil.

"BN Sabah sekarang sudah mencapai 100 peratus kejayaan. Ini menyebabkan peranan setiap parti komponen sama ada kecil atau besar adalah penting untuk mengekalkan kejayaan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, setiap komponen parti BN memainkan peranan penting dalam memberi keyakinan kepada rakyat bahawa hanya BN yang mampu membawa kemajuan dan kemakmuran di negeri ini.